

Kejohanan olahraga tertutup UniMAP

Setiap graduan UniMAP tidak hanya diberi pendedahan mengenai akademik dan teori mengenai kejuruteraan semata-mata. Oleh itu satu Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP telah diadakan dengan penyertaan dari wakil PPK Bioproses yang bergabung dengan PPK Alam Sekitar mewakili rumah hijau muda. Kejohanan yang berlangsung di Kompleks Sukan UiTM Arau pada 19 dan 20 Ogos 2008 dan telah menjadi saksi akan kehebatan atlit-atlit yang mewakili PPK Bioproses. Seramai lapan atlet lelaki dan enam atlet wanita mewakili PPK Bioproses dengan gabungan 22 atlet lain telah menyertai dan menyumbang satu pingat emas, tiga perak dan satu pingat gangsa. Tradisi yang sentiasa diteruskan di Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP ini adalah pertandingan perbarisan. Malangnya nasib kurang menyebelahi PPK Bioproses kerana pada kejohanan kali ini, kejuaraan yang pernah diperolehi di kejohanan lepas gagal dipertahankan kerana pasukan perbarisan gagal mendapat tempat di hati juri. Walau bagaimanapun, kerjasama dan penglibatan semua warga keluarga PPK Bioproses telah memeriahkan lagi kejohanan ini. Semoga di kejohanan akan datang, PPK Bioproses mampu berentap dengan PPK lain dan membuktikan bahawa, misi dan visi PPK bioproses adalah melahirkan jurutera yang cemerlang, bervariasi, berkebolehan dan berkemampuan.

